

Hanya tembok Portugis dibina, bukan keseluruhan kubu

MELAKA 4 Jun - Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam (**gambar**) menjelaskan, hanya tembok kubu Portugis akan dibina di sekitar Kota A Famosa di sini dan bukannya keseluruhan kubu tersebut seperti yang disangka sesetengah pihak.

Menurutnya, pembinaan tembok itu bertujuan menunjukkan laluan dan sempadan kota Portugis itu, dan pihaknya memang tidak bercadang membina keseluruhan kubu berkenaan kerana ia akan menelan

belanja besar.

"Selain membina tembok berkenaan, kita juga berharap akan dapat menemui runtuhannya kota Kesultanan Melayu Melaka yang terletak di bawah kubu Portugis itu.

"Sekiranya kita dapat jumpa runtuhannya kota Kesultanan Melayu Melaka, barulah ia akan dibina. Ketika itu dapatlah kita tunjukkan kegemilangan negeri ini pada zaman dahulu," katanya.

Mohd. Ali berkata demikian ke-

UM-5/6/2007
pada pemberita selepas melawat pembinaan Hotel Lisbon di Kampung Portugis di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini menyiarkan surat seorang pembaca yang dikenali sebagai 'Kawan Cicit Baba Melaka' dalam ruangan *Forum* yang meminta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mengkaji semula cadangan untuk membina kota Portugis di Melaka.

Menurut Kawan Cicit Baba Melaka, pembinaan itu nanti akan mem-

beri kegagahan kepada sejarah penjajahan Portugis pada zaman dahulu.

Katanya, kubu tersebut dibina daripada batu bata masjid dan kubur di Melaka. Beliau menyifatkan kubu Portugis itu didirikan daripada keruntuhan simbol Melayu dan Islam.

Mohd. Ali percaya masih terdapat runtuhannya kota Kesultanan Melayu Melaka di kawasan kubu Portugis itu sekarang.

"Justeru, kita amat berharap me-

lalui kerja cari gali yang dijalankan sekarang, runtuhannya kota itu akan ditemui.

"Bagaimanapun, ia bergantung kepada bagaimana kerja cari gali itu dijalankan dan kedalamannya," jelas beliau.

Menurut Mohd. Ali, selain runtuhannya zaman Kesultanan Melayu Melaka, kerajaan negeri juga merancang untuk membina kincir air seperti yang terdapat di negeri ini pada zaman dahulu.